



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA, 2021

Perbelanjaan pelancongan domestik 2021 turun 54.5 peratus untuk merekodkan RM18.4 bilion, namun dijangka akan pulih pada tahun 2022

PUTRAJAYA, 29 JUN, 2022– Perbelanjaan pelancongan domestik menurun 54.5 peratus untuk merekodkan RM18.4 bilion (2020: RM40.4 bilion), terendah sejak survei ini dijalankan pada 2008. Laporan **SURVEI PELANCONGAN DALAM NEGERI (DTS) 2021** yang dikeluarkan secara rasmi hari ini, menyediakan statistik ketibaan pelawat, perbelanjaan pelancongan, corak perjalanan dan profil sosial & demografi pelawat domestik. Sekatan sempadan, peraturan standard prosedur dan *lockdown* yang berterusan kesan daripada kemunculan varian baharu COVID-19, seperti Omicron dan Delta terus memberi impak kepada pelancongan domestik pada 2021. Bencana banjir yang berlaku pada akhir tahun 2021 di kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia menyebabkan perjalanan domestik menjadi lebih teruk.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Jumlah ketibaan pelawat domestik mencatatkan 66.0 juta pelawat berbanding 131.7 juta pelawat tahun sebelumnya, menurun 49.9 peratus. Jika dibandingkan dengan 2019 (sebelum pandemik COVID-19), jumlah ketibaan domestik menurun sebanyak -72.4 peratus. Begitu juga, perbelanjaan turun 82.2 peratus berbanding 2019.

Mengulas lanjut mengenai prestasi pelancongan domestik Malaysia pada 2021, prestasi rendah tersebut disebabkan oleh perbelanjaan pelawat pelancong domestik yang jatuh -68.0 peratus, manakala pelawat harian turun -36.3 peratus. Ini selari dengan pertumbuhan negatif dalam jumlah pelancong domestik dan pelawat harian yang masing-masing mencatatkan -67.8 peratus, dan -40.2 peratus. Dalam tempoh ini, bilangan perjalanan domestik turun -50.7 peratus untuk merekodkan 72.4 juta

perjalanan berbanding 147.0 juta perjalanan pada 2020. Perjalanan bermalam turun -67.8 peratus (15.5 juta perjalanan), manakala perjalanan harian menurun -42.4 peratus (56.9 juta perjalanan).

Dari segi perbelanjaan, dapat dilihat bahawa terdapat perubahan struktur di mana peratusan pelancong harian melepasi perbelanjaan pelancong bermalam dengan merekodkan 59.8 peratus (2020: 42.7%). Membeli-belah merupakan komposisi terbesar daripada jumlah perbelanjaan dengan sumbangan 50.3 peratus (2020: 52.6%), diikuti oleh makanan & minuman, 15.1 peratus (2020: 18.5%), dan pembelian bahan api kenderaan 11.1 peratus (2020: 9.0%). Membeli-belah juga kekal sebagai tujuan paling popular untuk pelawat domestik sejak 2020, menyumbang 36.4 peratus (2020: 42.3%). Melawat saudara-mara & rakan-rakan menyumbang 24.2 peratus (2020: 32.0%), namun jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan tahun sebelum pandemik yang mencatatkan 42.3 peratus. Situasi dijangka ini adalah disebabkan oleh sekatan antara daerah dan antara negeri yang menyebabkan orang ramai tidak dapat melawat saudara mara. Sementara itu, terdapat trend menaik bagi rawatan perubatan dan hiburan/ menghadiri acara khas/ sukan yang menunjukkan peningkatan berbanding tahun lepas, masing-masing mencatatkan 10.3 peratus dan 5.4 peratus.

Disebabkan oleh penutupan sempadan antarabangsa Malaysia di mana orang ramai tidak dapat melancong ke luar negara, dapat dilihat bahawa pelawat domestik mengikut pendapatan isi rumah RM5,001 hingga RM10,000 menunjukkan peningkatan ketara dengan merekodkan sumbangan tertinggi sebanyak 30.4 peratus berbanding tahun sebelum pandemik (2019: 23.3%). Sementara itu, perjalanan pelawat domestik mengikut pendapatan isi rumah antara RM1,001 hingga RM3,000 menurun 6.4 peratus daripada 2019 kepada 29.3 peratus.


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menekankan, "negeri yang paling ramai dikunjungi pelawat domestik pada 2021 ialah Selangor dengan 10.2 juta, diikuti oleh W.P Kuala Lumpur, dan Sarawak masing-masing 9.1 juta, dan 6.5 juta pelawat domestik."

Ketua Perangkawan merumuskan, “Dengan peralihan kepada fasa endemik seperti yang diumumkan oleh kerajaan, ia berkemungkinan akan menyumbang kepada pemulihan industri pelancongan Malaysia dan dijangka menyaksikan pertumbuhan positif pada 2022 yang diterajui oleh sektor domestik. Ini selari dengan indikator kadar penghunian bilik hotel yang ditunjukkan pada suku pertama 2022. Pelonggaran peraturan perjalanan rentas negeri telah memberi impak yang ketara, terutamanya kepada industri berkaitan pelancongan domestik.”


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April hingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM turut mengeluarkan statistik ekonomi dan sosial iaitu Pocketstats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi daripada portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/pocketstatsS1_2022.

Carta 1: Perbelanjaan Pelancongan Domestik Malaysia, 2012 – 2021



Carta 2: Ketibaan Pelawat Domestik Malaysia, 2012 – 2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 JUN 2022



Department of Statistics
M A L A Y S I A

MEDIA STATEMENT
FOR DOMESTIC TOURISM MALAYSIA 2021

Domestic tourism spending 2021 fell 54.5 per cent to record RM18.4 billion, but set to recover in 2022

PUTRAJAYA, 29 JUNE, 2022– Domestic tourism spending nosedive 54.5 per cent to record RM18.4 billion (2020: RM40.4 billion), the lowest since this survey started in 2008. The **DOMESTIC TOURISM SURVEY (DTS) 2021** report, which was officially released today, provides statistics of visitor arrivals, tourism expenditure, travelling pattern and social & demographic profile of domestic visitors. Border restrictions, standard of procedure regulations and continuous lockdown due to new variants of COVID-19, such as Omicron and Delta continued to impact domestic tourism in 2021. Floods disaster towards the end of 2021 in many areas in peninsula Malaysia caused domestic travel to worsen.

The Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "Number of domestic visitor arrivals in 2021 recorded 66.0 million visitors as compared to 131.7 million visitors previous year, fell 49.9 per cent. When compared to 2019 (pre-pandemic COVID-19), the total domestic arrivals decreased by -72.4 per cent. Similarly, the spending down 82.2 per cent as compared to 2019.

Elaborating further on Malaysia's domestic tourism performance in 2021, the low performance was due to expenditure by domestic tourists which fell -68.0 per cent, while excursionists dropped -36.3 per cent. This was in line with negative growth in the volume of domestic tourists and excursionists which recorded -67.8 per cent, and -40.2 per cent, respectively. During this period, number of domestic trips fell -50.7 per cent to record 72.4 million trips as compared to 147.0 million trips in 2020.

Overnight trip down -67.8 per cent (15.5 million trips), while daily trips decreased -42.4 per cent (56.9 million trips).

In terms of expenditure, it was observed that there was a structural change where the percentage of excursionist surpassed overnight expenditure to record 59.8 per cent (2020: 42.7%). Shopping made up the largest contribution from the total expenditure with a share of 50.3 per cent (2020: 52.6%), followed by food & beverage, 15.1 per cent (2020: 18.5%), and automotive fuel 11.1 per cent (2020: 9.0%). Shopping also remained the most popular purpose for domestic visitors since 2020, contributed 36.4 per cent (2020: 42.3%). Purpose of visiting relatives & friends contributed 24.2 per cent (2020: 32.0%), but were significantly lower as compared to pre-pandemic year which recorded 42.3 per cent. This foreseen situation was due to inter-district and interstate restriction which made it unfeasible for people to visit relatives. Meanwhile, there was an upward trend for medical treatment and entertainment/ attending special event/ sports purposes which showed an increase from last year, registered 10.3 per cent and 5.4 per cent, respectively.

Due to the closure of the Malaysia's international border where people were unable to travel abroad, it could be seen that domestic visitors by household income of RM5,001 to RM10,000 showed a significant increased to record the highest contribution of 30.4 per cent from the pre-pandemic year (2019: 23.3%). Meanwhile, domestic visitors travel by household income between RM1,001 to RM3,000 decreased 6.4 per cent from 2019 to registered 29.3 per cent.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also highlighted, "the most visited states by domestic visitors in 2021 were Selangor with 10.2 million, followed by W.P Kuala Lumpur, and Sarawak 9.1 million, and 6.5 million domestic visitors, respectively."

The Chief Statistician concluded that, "With the transition to the endemic phase as announced by the government, it is likely to contribute to the recovery of Malaysia's tourism industry and is expected to see positive growth in 2022 led by the domestic sector. This was also in line with indicator of hotel occupancy rate showed in first quarter 2022. The easing of interstate travel rules has given significant impact, particularly on the domestic tourism-related industries."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success.

Please visit www.dosm.gov.my for more information. DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Chart 1: Malaysia's Domestic Tourism Expenditure, 2012 – 2021





Chart 2: Malaysia's Domestic Visitors Arrivals, 2012 – 2021



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

29th June 2022